



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SABTU, 24 FEBRUARI 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



UKK KPWKM

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

24/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	OKU PERLU DAFTAR DENGAN JKM - NANCY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/650904/berita/nasional/oku-perlu-daftar-dengan-jkm---nancy	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.sinardaily.my/article/215759/focus/national/jkm-registration-key-to-accurate-data-for-pwd-support---nancy	SINARDAILY.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	KPWKM USAHA SEMAK PERUNTUKAN BANTUAN OKU	
	https://www.sinarharian.com.my/article/650903/berita/nasional/kpwkm-usaha-semak-peruntukan-bantuan-oku	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.msn.com/en-my/news/national/kpwkm-prioritises-responsible-aid-allocation-for-pwd-community/ar-BB1iJOjE	MSN.COM
	https://www.sinardaily.my/article/215765/focus/national/kpwkm-prioritises-responsible-aid-allocation-for-pwd-community	SINARDAILY.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	KPWKM CADANG NAIKKAN BANTUAN USAHAWAN JKM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/650906/berita/nasional/kpwkm-cadang-naikkan-bantuan-usahawan-jkm	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.sinardaily.my/article/215767/focus/national/ministry-proposes-to-increase-aid-for-jkm-entrepreneurs	SINARDAILY.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	AKTA ANTIGANGGUAN SEKSUAL DIKUATKUASAKAN SECARA BERPERINGKAT – NANCY SHUKRI	
	https://suara.tv/23/02/2024/akta-antigangguan-seksual-dikuatkuasakan-secara-berperingkat-nancy-shukri/	SUARA.TV



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

24/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
5	KERJASAMA RAKAN STRATEGIK PERKASA WANITA, KUKUH INSTITUSI KELUARGA: NANCY SHUKRI	
	https://malaysiamadani.gov.my/2024/02/kerjasama-rakan-strategik-perkasa-wanita-kukuh-institusi-keluarga-nancy-shukri/	MALYSIAMADANI.GOV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	GOVT HOPES TO SEE WOMEN FILL 30% OF DECISION-MAKING ROLES IN PRIVATE SECTOR	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/02/22/govt-hopes-to-see-30-of-decision-making-roles-in-private-sector-filled-by-women/	FREEMALYSIATODAY.COM
	https://sinarplus.sinarharian.com.my/fyi/ramai-wanita-layak-jawatan-bod-kena-keluar-daripada-kepompong-nancy-shukri/	SINARPLUS.SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	DERA: LAPOR KEPADA POLIS, BUKAN MEDIA SOSIAL	
	https://www.sinarharian.com.my/article/651011/video/berita-semasa-video/dera-lapor-kepada-polis-bukan-media-sosial	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=N_cNiQ1C4ZE	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
8	PENJAGA OKU PERLU LATIHAN PROFESIONAL	
	https://www.sinarharian.com.my/article/651015/video/berita-semasa-video/penjaga-oku-perlu-latihan-profesional	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=FNIBtceqO-k	YOUTUBE



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [i](#) kpwkm

24/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
9	NANCY TETAP CARI JALAN BANTU RAKYAT WALAU TERIKAT PROSEDUR	
	https://www.sinarharian.com.my/article/650907/video/berita-semasa-video/nancy-tetap-cari-jalan-bantu-rakyat-walau-terikat-prosedur	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=x3o8KmSmsNI	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
10	KERAJAAN TAK BOLEH KATA TAK ADA DUIT	
	https://www.sinarharian.com.my/article/650905/video/berita-semasa-video/kerajaan-tak-boleh-kata-tak-ada-duit	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=P4VqcJVgQb4	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
11	NANCY SHUKRI: TAIB'S LEADERSHIP ENABLED SARAWAK TO ACCUMULATE RESERVE FUND OF RM31B AS OF 2018	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/02/23/nancy-shukri-taibs-leadership-enabled-sarawak-to-accumulate-reserve-fund-of-rm31b-as-of-2018/119530	MALAYMAIL.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1063381/dana-rizab-sarawak-rm31-bilion-semasa-kepimpinan-abdul-taib-nancy-shukri	HMETRO.COM.MY
	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1016771/abdul-taibs-leadership-enabled-swak-accumulate-reserve-fund-or-rm31bil	NST.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/detik-niaga/dana-rizab-sarawak-rm31-bilion-semasa-kepimpinan-abdul-taib-nancy-shukri/	BULETINTV3.MY
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/02/23/taib039s-leadership-enabled-sarawak-to-accumulate-reserve-fund-of-rm31bil-as-of-2018-says-nancy-shukri	THESTAR.COM.MY
	https://www.theborneopost.com/2024/02/23/nancy-taibs-leadership-enabled-swak-to-accumulate-reserve-fund-of-rm31-bln-as-of-2018/	THEBORNEOPOST.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

24/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
12	WANITA PBB PERINGATI SUMBANGAN TUN TAIB PERKASA WANITA: FATIMAH	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/23/wanita-pbb-peringati-sumbangan-tun-taib-perkasa-wanita-fatimah	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	SAVE ABANDONED BABIES, HELP MOTHERS-IN-CRISIS, SARAWAK NGO SAYS	
	https://www.thestar.com.my/lifestyle/family/2024/02/23/save-abandoned-babies-help-mothers-in-crisis-sarawak-ngo-says	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	UNFPA, UIS DAN YAYASAN KUIS METERAI KERJASAMA PEMBERDAYAAN MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/unfpa-uis-dan-yayasan-kuis-meterai-kerjasama-pemberdayaan-mangsa-keganasan-rumah-tangga-459517?	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
15	NODA REMAJA SELEPAS MAIN VIDEO GAME	
	https://www.kosmo.com.my/2024/02/23/noda-remaja-selepas-main-video-game/	KOSMO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/650987/berita/semasa/remaja-dirogol-selepas-main-video-game	SINARHARIAN.COM.MY



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK




www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

24/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
16	WANITA, KANAK-KANAK DISYAKI MANGSA EKSPLOITASI SEKS DISELAMATKAN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1063489/wanita-kanak-kanak-disyaki-mangsa-eksploitasi-seks-diselamatkan	HMETRO.COM.MY
	https://www.malaysiakini.com/news/697064	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1215821/wanita-dua-kanak-kanak-serta-bayi-diselamatkan-dari-rumah-pelacuran	BHARIAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/650961/berita/semasa/polis-berkas-ibu-ayam-selamatkan-wanita-dan-budak-perempuan-dilacurkan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/02/23/wanita-budak-perempuan-dipaksa-jadi-pekerja-seks-di-banting-terselamat	MSTAR.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/650956/berita/semasa/wanita-kanak-kanak-dipaksa-melacur-diselamatkan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2024/02/23/wanita-kanak-kanak-disyaki-dijadikan-pelacur/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/02/23/wanita-budak-11-tahun-dipaksa-melacur-diselamatkan-ibu-ayam-ditahan/	FREEMALYSIATODAY.COM
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/02/23/polis-selamatkan-wanita-kanak-kanak-perempuan-dipaksa-melacur	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://www.tvsarawak.my/2024/02/23/polis-selamatkan-wanita-kanak-kanak-perempuan-dipaksa-melacur/	TVSARAWAK.MY
	https://selangorkini.my/2024/02/polis-selamatkan-wanita-kanak-kanak-perempuan-disyaki-dipaksa-melacur/	SELANGORKINI.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2272788	BERNAMA.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/02/lima-termasuk-kanak-kanak-jadi-pelacur-diselamatkan/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/02/23/kanak-kanak-perempuan-11-tahun-dipaksa-jual-tubuh-diselamatkan/	KOSMO.COM.MY



OKU perlu daftar dengan JKM - Nancy

Oleh Roskhoirah Yahya - Aisyah Basaruddin 22 Februari 2024 11:28pm



Nancy pada program Town Hall Rakyat kali kesembilan yang disiarkan secara langsung di Facebook Sinar Harian pada Khamis. Foto SINAR HARIAN/ROSLI TALIB

SHAH ALAM - Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) perlu mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi membantu kerajaan mengumpul data golongan berkenaan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri berkata, dengan adanya data itu, mudah bagi kerajaan untuk merancang pembangunan untuk kemudahan OKU.

"Sebelum ini ramai yang bising mengenai infrastruktur untuk golongan OKU, jadi data yang ada boleh digunakan sebagai bukti berapa ramai penduduk kita berada dalam kelompok tersebut.

"Selain itu, kad OKU yang diberikan selepas mendaftar mempunyai banyak kelebihan antaranya mendapat perkhidmatan hospital serta boleh menggunakan pengangkutan awam secara percuma. Banyak lagi faedah jika mereka mendaftar," katanya.


Beliau berkata demikian selaku panel pada program Town Hall Rakyat kali kesembilan yang disiarkan secara langsung di Facebook Sinar Harian pada Khamis.

Program yang berlangsung di Kompleks Karangkrif itu dihoskan oleh Fikry Ibrahim.

Tambah Nancy, tidak salah sekiranya mereka mahu mendaftar dengan persatuan atau mana-mana pihak tetapi jangan melepaskan peluang untuk melakukan perkara yang sama dengan JKM.

"Untuk berdaftar dengan persatuan tiada masalah tetapi perlu juga berdaftar dengan JKM. Sebab kita tahu kadang-kadang dalam kalangan mereka tidak perlukan duit kerajaan.

"Tapi alhamdulillah, selepas jumpa, mereka kata kami tidak pernah tahu. Jadi selepas ini mereka tidak lagi kata kerajaan tidak bantu," ujarnya.



KPWKM usaha semak peruntukan bantuan OKU

Oleh Aisyah Basaruddin - Roskhoirah Yahya 22 Februari 2024 11:17pm



Town Hall Rakyat bersama Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri yang diadakan di Kompleks Karangkrak pada Khamis. Foto SINAR HARIAN/ROSLI TALIB

SHAH ALAM - [DIKEMAS KINI] Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) akan berusaha sebaik mungkin untuk menyemak peruntukan bantuan bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, meskipun belum dapat dipastikan peruntukan tersebut, pihaknya akui memerlukan perbincangan daripada kementerian-kementerian utama atau agensi yang lain terlebih dahulu.

"Saya tak dapat janji apa-apa buat masa ini, cuma kita mendengar dan akan usahakan sebab sebelum ini daripada RM190 digandakan kepada RM300 pun usaha kita juga.

“Memang ia tak cukup, sekarang dapat pula RM500 untuk anak atau ahli keluarga yang memerlukan bantuan.

"Dari segi sumber kewangan, peruntukan ini memerlukan perancangan dan kita akan mengemukakannya kalau permintaan didengari," katanya pada Khamis.


Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan dikemukakan pengunjung menerusi sesi soal jawab dalam program 'Town Hall Rakyat' secara langsung bertempat di Kompleks Kumpulan Karangkrak, di sini.

Program yang dihoskan oleh pelakon dan pelawak popular, Fikry Ibrahim itu turut dihadiri Presiden OKU Sentral, Datuk Dr Ras Adiba Radzi; Timbalan Ketua Polis Selangor, Datuk S Sasikala Devi; Penasihat Kumpulan Karangkrak, Datuk Hussamuddin Yaacob bersama Penasihat Bersama, Datuk Muhammad Nasir Hamzah; Ketua Pegawai Eksekutif Grup Sinar Karangkrak, Farah Hussamuddin; Ketua Pengarang Kumpulan Sinar Harian, Zamri Rambli dan Pengurus Kanan Tugas-Tugas Khas Karangkrak, Hashim Anang.

Bagaimanapun, ahli Parlimen Santubong terbabit memaklumkan, pihaknya tidak berani untuk menyatakan sebarang komitmen berhubung perkara itu kerana terdapat prosedur operasi standard (SOP) yang perlu diambil kira sebelum memutuskan jumlah perbelanjaan bulanan.

"Golongan mendapat bantuan bukan orang miskin, tetapi orang yang layak. Mereka bukan miskin, namun oleh kerana terlalu banyak tanggungan, perkara ini perlu dilihat.

"Sebab itu kita perlu tahu SOP supaya dapat mengambil kira semua perkara ini," ujarnya.



KPWKM cadang naikkan bantuan usahawan JKM

Oleh Roskhoirah Yahya - Aisyah Basaruddin 23 Februari 2024 12:16am



Nancy pada program Town Hall Rakyat kali kesembilan yang disiarkan secara langsung di Facebook Sinar Harian pada Khamis. Foto SINAR HARIAN/ROSLI TALIB

SHAH ALAM - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bercadang untuk menaikkan jumlah bantuan perniagaan daripada RM2,700 kepada RM5,000 kepada mereka yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan mahu membuka perniagaan.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, bagaimanapun cadangan bantuan menerusi Program 2 Years Exit itu baru di peringkat kementerian.

"Saya dan kawan-kawan di kementerian akan usahakan untuk dapat kebenaran tersebut. Sekarang ini RM2,700 tapi kalau boleh dinaikkan kepada RM5,000 lebih bagus.

"Mereka ini penerima bantuan daripada JKM tetapi dia nak berusaha berniaga. Jadi kita bantu, beri modal untuk bangunkan perniagaan," katanya.

Beliau berkata demikian selaku panel pada program Town Hall Rakyat kali kesembilan yang disiarkan secara langsung di Facebook Sinar Harian pada Khamis.

Program yang berlangsung di Kompleks Karangkrak itu dihoskan oleh pelakon dan pelawak, Fikry Ibrahim.

Dalam perkembangan lain, Nancy memberitahu, wanita perlu mempunyai ilmu dan kepakaran untuk berjaya.

"Kita tidak mahu mereka jadi wanita yang duduk dan tunggu sahaja. Kita mahu lain dari yang lain.

"Oleh itu, kita turun ke bawah untuk membantu golongan wanita dengan mengadakan pelbagai program," ujarnya.



Akta Antigangguan Seksual dikuatkuasakan secara berperingkat – Nancy Shukri

By Editor 23/02/2024



MENTERI Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Nancy Shukri menghadiri Sesi Libat Urus Bersama-sama dengan Rakan Strategik Wanita dan Keluarga - Foto: UKK KPWK

Oleh Zihan Zari

KUALA LUMPUR – DALAM usaha mewujudkan persekitaran yang selamat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) akan menguatkuasakan Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840) secara berperingkat-peringkat mulai 28 Mac ini.

Selaras dengan penguatkuasaan akta ini pihaknya menerusi Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melancarkan Garis Panduan Pelaksanaan Program Advokasi Antigangguan Seksual (AAGS).

Menterinya, Dato' Sri Nancy Shukri berkata demikian ketika menghadiri Sesi Libat Urus Bersama-sama dengan Rakan Strategik Wanita dan Keluarga di sini pada Khamis.

Menurutnya, sebanyak 65 program AAGS telah dilaksanakan pada 2023 melibatkan 25,251 orang peserta dan 3.5 juta orang turut mendapat pendedahan berkaitan dengan advokasi dan kesedaran berhubung dengan Antigangguan Seksual melalui pelbagai saluran media (tv, radio, akhbar dan media sosial).

Jelasnya, KPWK juga telah menubuhkan Tribunal Antigangguan Seksual bagi menyediakan platform pengendalian aduan berkenaan gangguan seksual sebagai salah satu tebus rugi kepada mangsa.

Dalam pada itu, beliau berkata KPWK telah melakar kejayaan tahun lalu, merupakan bukti terhadap komitmen dan curahan tenaga kakitangannya untuk memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik kepada kumpulan sasar menerusi pelbagai aktiviti ke arah memperkukuh institusi keluarga serta memperkasakan wanita.

Kerajaan telah meluluskan peruntukan untuk membangunkan Pusat Subfertiliti negara pertama yang disasarkan untuk disiapkan dan akan beroperasi pada tahun 2028.

Katanya, seramai 77,644 wanita telahpun menjalani saringan awal kanser payudara dan serviks melalui Kempen Kesedaran Reproduksi Wanita (WeCaRe).

Kementeriannya turut membantu seramai 7,639 wanita dari segi penjaan pendapatan melalui program MyKASHI Kapital serta latihan kepada 40 peserta Program Wanita Bangkit untuk memasarkan produk mereka di kiosk-kiosk terpilih di seluruh negara.

"Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM3.5 bilion antara lainnya untuk Pengoperasian Tribunal Antigangguan Seksual (TAGS) serta Pemantapan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak yang akan dilaksanakan secara berfasa.

Peruntukan yang diterima bagi tahun ini adalah lebih tinggi berbanding tahun 2023, meningkat sebanyak 3.09 peratus, membuktikan kerajaan serius dalam memastikan inisiatif, program dan projek di bawah KPWK dapat dilaksanakan bagi membantu kumpulan sasar, "katanya lagi.

Tambahnya, memperkasakan wanita merupakan kerangka keberhasilan pihaknya menjadi fokus utama dengan program berbentuk advokasi, pemerkasaan komuniti, sokongan sosial, penjaan pendapatan serta pewujudan persekitaran kondusif bagi menyokong sasaran kerajaan mencapai 60 peratus penyertaan tenaga buruh wanita dan Toleransi Sifar Keganasan Terhadap Wanita (ASSERT).

Program advokasi kasih seperti Keluarga Harmoni, Kembara Kasih, Peluasan Projek Anjung Sinar serta pengoperasian Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Transit di Kuala Lumpur dan Rantau Panjang, Kelantan antara program tahun ini untuk memperkukuh lagi institusi keluarga selaras dengan fokus utama kementeriannya.

Tambahnya lagi, program-program intervensi dapat dilaksanakan sejajar dengan penemuan dalam Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia serta Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga demi membentuk institusi keluarga yang bahagia dan harmoni di Malaysia.

Pihaknya telah memilih tema 'Wanita Dijulang, Negara Gemilang' sempena Hari Wanita Antarabangsa 2024 yang memberikan penekanan pentingnya usaha memartabatkan wanita bagi mewujudkan budaya inklusif serta keseksamaan gender semua peringkat dan sumbangan mereka merupakan pemangkin kepada kecemerlangan negara.

Selain itu, kementeriannya memilih warna ungu sebagai warna tema sambutan dan pemakaian pakaian berwarna ungu pada 8 Mac ini amat digalakkan bagi menunjukkan solidariti.

"Inisiatif ke arah memperkasakan wanita dan memperkukuh institusi keluarga memerlukan komitmen dan penglibatan dan kerjasama strategik daripada pelbagai pihak dan jaringan sinergi sedia terjalin antara kerajaan dan NGO dapat diteruskan di masa hadapan, "ujarnya lagi.

Antara kementerian, jabatan dan agensi kerajaan yang menjalin kerjasama sebagai rakan strategik KPWK ialah Perbendaharaan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Sumber Manusia.

Manakala NGO terlibat antaranya Malaysian Gas Assoc, Women of Will, Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA), Women Leadership Foundation (WLF) dan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO).

Turut hadir, Ketua Setiausaha KPWK Datuk Dr Maziah Che Yusoff dan Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWK, Chua Choon Hwa. -SUARA.TV



Kerjasama rakan strategik perkasa wanita, kukuh institusi keluarga: Nancy Shukri



Dalam usaha memperkasa institusi keluarga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yakin kerjasama dengan rakan-rakan strategik Wanita dan Keluarga diyakini boleh memantapkan lagi usaha berkenaan. Foto: FB KPWKM

Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datuk Sri Nancy Shukri berkata, jalinan kerjasama sebagai usaha meningkatkan jaringan sinergi dengan pelbagai pihak dalam memperkasakan wanita dan memperkukuh institusi keluarga.

"Jalinan kerjasama dengan rakan strategik wanita dan keluarga ini diharapkan dapat memaksimumkan perkongsian maklumat dan membina kapasiti.

"Selain (itu) diyakini mampu meminimumkan pertindihan usaha antara kerajaan dengan badan bukan Kerajaan," katanya.

Terdahulu, beliau merasmikan Sesi Libat Urus Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat bersama dengan Rakan Strategik Wanita dan Keluarga selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Wanita dan Keluarga Negara (MWKN) di ibu negara.


Pada sesi libat urus itu, Nancy juga berkongsi beberapa inisiatif yang berjaya dilaksanakan dalam usaha memperkukuh institusi keluarga dan memperkasakan Wanita.

"Kita telah melancarkan Garis Panduan Pelaksanaan Program Advokasi Antigangguan Seksual, menubuhkan Tribunal Antigangguan Seksual dan Penubuhan Pusat Subfertiiliti Negara Pertama," katanya dalam kenyataan.

Nancy pada masa sama, menghargai kerjasama rakan strategik yang hadir antaranya Perbendaharaan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Turut menyertai sesi berkenaan Kementerian Sumber Asli Dan Kelestarian Alam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Sumber Manusia.

Manakala NGO dan persatuan antaranya Malaysian Gas Assoc, Women of Will, Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA), Women Leadership Foundation, Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita (NCWO) Malaysia dan Women Leadership Foundation. – Malaysia MADANI



Govt hopes to see women fill 30% of decision-making roles in private sector

Last May, Nancy Shukri said a Securities Commission study found the percentage of women holding board of directors' positions stood at 29.7%.

Shahrul Shahabudin - 22 Feb 2024, 11:07pm



Women, family and community development minister Nancy Shukri during a town hall programme organised by Sinar Harian in Shah Alam today.

SHAH ALAM: The women, family and community development ministry hopes to see 30% of the decision-making roles in the private sector filled by women, says its minister, Nancy Shukri.

Nancy said while 42% of women participate in decision-making roles within the public service, the private sector "hasn't reached this level yet".

Last May, she told the Dewan Rakyat a Securities Commission study found that the percentage of women holding board of directors' positions stood at 29.7%.

By comparison, she said, the figure was only 14% in 2016.

"This is what we are working on ... to ensure the private sector can have at least 30% women on their board of directors," she said at a town hall programme organised by Sinar Harian here today.

"There are plenty of qualified women to fill the positions."

She said the 30% figure is not a minimum quota set by the ministry, but a target to be reached instead.

On a separate matter, Nancy urged persons with disabilities (OKU) to register with the ministry's welfare department as it would help the government improve the coordination of its initiatives for the community.

She said many disabled people were unaware of the initiatives they were eligible to receive.

Nancy previously said people registered as OKU could enjoy nearly 30 facilities and privileges provided by the public and private sectors.

Last December, youth and sports minister Hannah Yeoh said 685,602 people were registered as OKU, a low figure compared with the country's population of over 33 million.



Dera: Lapor kepada polis, bukan media sosial
Sinar Harian



BERITA SEMASA

MANGSA DERA DOMESTIK MESTI BERANI LAPOR POLIS

watch on DAILYMOTION

Dera: Lapor kepada polis, bukan media sosial


23 Februari 2024 | [Berita Semasa Video](#) [Follow](#)

BERITA SEMASA 23 FEBRUARI 2024

Wanita yang terlibat dalam kes penderaan domestik seharusnya mengambil langkah terus melaporkan kepada pihak polis agar tindakan dapat diambil kepada pelaku, demikian nasihat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.

Menurutnya, untuk alternatif lain, mangsa juga boleh menghubungi Talian Kasih 15999 yang beroperasi selama 24 jam untuk aduan penderaan, bagi mendapatkan perlindungan, kebajikan juga kaunseling.

Beliau berkata demikian dalam program Town Hall Rakyat Bersama Nancy Shukri pada Khamis.



Penjaga OKU perlu latihan profesional

23 Februari 2024 | [Berita Semasa Video](#) [Follow](#)

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, beliau sentiasa menekankan kepentingan 'care industry' agar penjaga orang kurang upaya (OKU) terutamanya kanak-kanak diberi latihan secara profesional.

Ia bertujuan agar jika sesuatu berlaku kepada ibu bapa mereka, penjaga terdekat tahu apa yang perlu dilakukan dan mampu mengendalikan keperluan anak-anak OKU tersebut.

Beliau berkata demikian dalam program Town Hall Rakyat Bersama Nancy Shukri pada Khamis.



Nancy tetap cari jalan bantu rakyat walau terikat prosedur
Sinar Harian



BERITA SEMASA

ADA AGENSI BOLEH BANTU RAKYAT SELAIN JKM

watch on *DAILYMOTION*


Nancy tetap cari jalan bantu rakyat walau terikat prosedur

23 Februari 2024 | [Berita Semasa Video](#) [Follow](#)


Berkongsi pengalamannya, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Datuk Seri Nancy Shukri berkata, beliau pernah didekati seorang individu yang dalam keadaan terdesak memerlukan bantuan.

Namun, menurut Nancy, disebabkan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memerlukan prosedur agak panjang, beliau berusaha mendapatkan bantuan agensi Yayasan Kebajikan Negara (YKN).

Ahli Parlimen Santubong itu berkata demikian dalam program Town Hall Rakyat Bersama Nancy Shukri pada Khamis.



Kerajaan tak boleh kata tak ada duit
Sinar Harian



BERITA SEMASA

KPWKM HARGAI BANTUAN PIHAK LUAR

watch on DAILYMOTION

Kerajaan tak boleh kata tak ada duit

23 Februari 2024 | [Berita Semasa Video](#) [Follow](#)

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Nancy Shukri, walaupun kerajaan menerima banyak peruntukan untuk kebajikan, namun KPWKM turut mengalu-alukan bantuan daripada pihak luar.

Katanya, kebanyakan bantuan hadir disebabkan pihak swasta ingin membuat tajaan kerana mempunyai Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) mereka sendiri.

Beliau berkata demikian dalam program Town Hall Rakyat Bersama Nancy Shukri pada Khamis.



Nancy Shukri: Taib's leadership enabled Sarawak to accumulate reserve fund of RM31b as of 2018



PBB women vice-chief Datuk Seri Nancy Shukri says Tun Abdul Taib Mahmud had left behind a strong economic legacy, which helped the state to accumulate a reserve fund totalling RM31 billion as of 2018. — Bernama pic

Friday, 23 Feb 2024 8:09 AM MYT

KUALA LUMPUR, Feb 23 — Former Sarawak Yang Dipertua Negeri and chief minister Tun Abdul Taib Mahmud had left behind a strong economic legacy, which helped the state to accumulate a reserve fund totalling RM31 billion as of 2018, said Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) women vice-chief Datuk Seri Nancy Shukri.

She said with such reserves, the Sarawak government did not have to worry when it suddenly became the opposition after Pakatan Harapan took over the federal government following the Barisan Nasional (BN) defeat in the 14th general election.

“There were many (accusations) made about him (when he was the chief minister), but when BN lost in the 2018 general election, and he was no longer the chief minister, the truth about what he had accomplished for Sarawak emerged...as the reserve fund at that time amounted to RM31 billion.

“At that time, Sarawak was the one with the most reserve funds that could be utilised when we were no longer part of the federal government and had become the opposition,” she said in Bernama TV’s Ruang Bicara programme last night.

She said the late Tan Sri Adenan Satem, who took over the leadership, and the current Sarawak Premier Tan Sri Abang Johari Tun Openg, did not use the reserve fund as there were other allocations for Sarawak said the Minister of Women, Family and Community Development.

She said the Sarawak premier is continuing this legacy by introducing new economies, including hydrogen technology, to boost the state’s income.

Meanwhile, Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) Deputy Dean of Research and Commercialisation at the Faculty of Economics and Business, Dr. Evan Lau Poh Hock, said that the late leader’s budgeting and development strategy led to Sarawak’s economic prosperity and infrastructure growth during his tenure as Chief Minister, earning him the title ‘Architect of Sarawak’s Economy’.

The economic expert noted that Abdul Taib’s forward-thinking approach led to establishing various industrial zones in Sarawak, such as the Sama Jaya High-Tech Park in Kuching and the Samalaju Industrial Park in Bintulu, aimed at attracting foreign investors.

Lau said Abdul Taib, who served as Sarawak’s Chief Minister for 33 years, took this initiative because he did not want to rely solely on the Federal Government’s support to attract foreign investors, and he believed Sarawak needed its own alternatives.

“The creation of these industrial areas attracted numerous foreign companies, resulting in various job opportunities and facilitating the transfer of new technologies as part of his strategic planning.

“He refused to solely depend on annual development allocations from the federal government, insisting that Sarawak should generate its revenue through exports to fund rural development, infrastructure and economic activities,” he said.

Abdul Taib, aged 87, died at a private hospital in Kuala Lumpur at 4.40am on Wednesday. He was laid to rest after Zohor prayers today at the family cemetery in Demak Jaya, Kuching, Sarawak. — Bernama



Wanita PBB peringati sumbangan Tun Taib perkasa wanita: Fatimah

© 2024-02-23T15:27:25+08:00



Fatimah (empat kiri) bersama ahli Majlis Tertinggi Wanita PBB merakamkan gambar kenangan selesai mesyuarat di Ibu Pejabat PBB, hari ini.

KUCHING: Wanita Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) memperingati sumbangan Allahyarham Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud dalam memperkasakan golongan wanita.

Ketuanya Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, Wanita PBB berterima kasih kepada Allahyarham kerana telah membawa masuk beliau bersama beberapa wanita lain dalam parti seterusnya menjadi wakil rakyat.

"Saya telah dibawa masuk daripada seorang pengetua menjadi ahli PBB, kemudiannya wakil rakyat, menteri muda dan menteri penuh.

"Begitu juga dengan Datuk Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali dibawa masuk semasa Tun menjadi Ketua Menteri, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, Datuk Rosey Yunus, Dato Sri Nancy Shukri, Datuk Rubiah Wang, Simoi Peri.

"Kita dapat lihat bagaimana beliau memperkasakan wanita melalui politik dan beliau pernah memberitahu saya, jika dibukukan sumbangan wanita, sebenarnya sangat penting.

"Ada yang memang nampak sebagai wakil rakyat, sebagai menteri dan ada lagi yang di belakang tadbir dalam memperkuat parti," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Wanita PBB di Ibu Pejabat PBB di sini, hari ini.

Fatimah turut menyifatkan Allahyarham Tun Taib yang meninggal dunia pada 21 Februari lalu sebagai seorang tokoh, negarawan dan legenda yang sukar untuk dicari ganti.

Sebab itu katanya, semasa mesyuarat hari ini, mereka mengambil sedikit masa untuk memperingati sumbangan Tun Taib serta mengucapkan takziah kepada ahli keluarganya.



Save abandoned babies, help mothers-in-crisis, Sarawak NGO says

By MING TEOH



Too often, the struggles of these young mothers are unseen and their cries for help often go unheard. As a result, with no one to help and no where to turn to, their usual course of action is to abandon their babies. Photo: Freepik

In Sarawak, the issue of abandoned babies is more serious than many realise.

The state has the second highest number of teen pregnancies in Malaysia at 9.1%, according to Sarawak's Women, Early Childhood, and Community Well-Being Development Ministry (Dec 2023), and a total of 32 dumping cases involving babies or fetuses were recorded between Jan 2016 and Aug 2023, with four in 2023 (as at Oct 2023).

To address this issue of abandoned babies in the state, Sarawak Women for Women Society (SWWS) has launched a campaign titled "Tender Compassion for Mothers-in-Crisis".

The campaign, supported by Article 19, Canada Fund for Local Initiatives, and the Canadian High Commission in Malaysia, includes a YouTube video "dedicated to all the abandoned babies and fetuses, as well as the mothers struggling with crisis pregnancies".

"We aim to create a supportive community with shared resources and hope, through the power of collective empathy," says SWWS in their campaign video.

Society places heavy demands on women when a crisis pregnancy happens and even in 2024, there are many who still blame mothers for the tragedy of baby abandonment, according to SWWS.

The organisation says that mothers-in-crisis often feel alone, afraid, ashamed and in a panic, not knowing what to do or who they can turn to. And too often, the struggles of these women - who are often young and unmarried, many abandoned - are unseen and their cries for help go unheard.

"As a result, with no one to help and no where to turn to, their usual course of action is to abandon their babies," reveals SWWS.

The organisation says that these mothers "carry a weight that many of us cannot see" and that they have "endured much and need more than just material assistance".

When we extend our support to these mothers, we are indirectly impacting the lives of their babies, highlights the organisation.



To help abandoned babies, we need to help mothers in crisis too. Photo: Sarawak Women for Women Society

"We need to understand that the journey to motherhood for these women is a battle that is often silent, unseen and misunderstood. In their most desperate hour, these mothers need our empathy, not our judgement. They need a safe space to express their fears, to seek help, and to find understanding," it says.

According to the organisation, the majority of abandoned babies are born to young mothers, many of whom are barely more than children themselves.

"Imagine being a child and facing the responsibilities of motherhood - the confusion, fear, overwhelming pressure, of not just nurturing a new life, but of facing society's scrutiny at such a tender age."

SWWS says that for these young women, the decision to leave their baby comes from a place of desperation: "They are at a crossroads where their limited understanding, lack of support and sheer panic converge."

The organisation describes these young women as "mothers-in-crisis who have not only gone through a traumatic birth but also mental and emotional trauma".

They need help to "get back on track".

When a pregnancy is filled with joy and anticipation - the mother is prepared, happy, pleased, supported, confident, congratulated, informed, and has access to healthcare. But when it's marred by challenges and uncertainties, the mother is in a panic, frightened, unprepared, shocked, alone, scared, isolated, stigmatised and lost, says SWWS.

To help abandoned babies, we need to help mothers-in-crisis too. It's time to listen, understand and act, to ensure that every mother has access to the care, support and resources that she needs, the organisation says.

Help can be provided for these mothers and their children through baby hatches, government agency healthcare interventions, and the one-stop teenage pregnancy committee (OSTPC).

According to SWWS, civil society organisations, NGOs and religious/faith groups can also reach out to offer support at a community level and by operating helplines.

It adds that helpful and compassionate communities are also necessary in supporting these mothers, providing safety for women and children, and offering maternal health services.

However, SWWS does emphasise that this "is not a simple issue" and there are many intersecting factors involved such as poverty, lack of education or awareness, societal pressure, and stigma surrounding unplanned pregnancies.

And, while baby hatches do help, SWWS in its Instagram post (@SarawakWomen), highlights that currently, there is only one baby hatch in Sarawak. "And even if more are set up, how will a mother who has just given birth be able to reach them if she is alone without anyone to help?"

"Giving birth alone is traumatic. Post birth, all mothers - including these mothers-in-crisis, need a checkup and their health is at risk if they aren't properly discharged post-birth. They also need help and support to work through their feelings, problems and options," it adds in the Instagram post.



A holistic approach is needed with all of society involved, from government agencies, to civil society organisations and NGOs, to neighbourhoods and communities, says SWWS.

"Sometimes, it's about young mothers feeling scared and alone, without the resources to support their needs. Other times, it is the fear of judgement from families and communities that drives them to the desperate measure of abandoning their own babies."

Even if she decides to ask for help, she will have a lot of worries or fears about being outed, facing legal consequences, being judged harshly and so on.

While abandoning a child is wrong, it's not a decision that the mother has taken lightly, says SWWS.

"She may have been overwhelmed by her difficulties, which have severely impacted her ability to make decisions and care for a child.

"We can start by creating safe spaces for these mothers to seek help without fear of judgement, where they can be heard, and their needs addressed with dignity and respect. By understanding and tackling these various factors, we can work towards a future where baby abandonment is a thing of the past."



UNFPA, UIS dan Yayasan KUIS meterai kerjasama pemberdayaan mangsa keganasan rumah tangga

Kenyataan Media
Februari 23, 2024 18:28 MYT



Kejasama ini membuka jalan terhadap penyelesaian inovatif melalui Perpetual Orange Fund dan Work Kafalah Program. -Foto ihsan UIS

Di seluruh dunia, UNFPA memainkan peranan terhadap lebih 150 negara dan wilayah untuk membantu dan mengurangkan keganasan yang berasaskan jantina.

Dato' Profesor Madya Dr Mohd Farid Ravi Abdullah, Naib Canselor UIS, turut menyuarakan harapan agar program kesedaran mengenai pemberdayaan mangsa keganasan rumah tangga yang terselamat ini akan membawa impak positif kepada kehidupan mereka, dan mereka mampu berdikari dari segi kewangan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah YBhg Datuk Hasanuddin Bin Mohd Yunus, Pengerusi Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), yang menyampaikan ucapan perasmian pada bagi pihak YB Senator Dr Zulkifli Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Agama.



Perpetual Orange Fund, yang dikendalikan bersama oleh UNFPA Malaysia dan Yayasan KUIS, adalah program biasiswa yang disokong oleh dana permulaan daripada kedua-dua pihak bertujuan menyokong pendidikan tinggi untuk anak-anak mangsa keganasan rumah tangga.

Program Work Kafalah pula adalah program kerjasama antara UNFPA Malaysia dan Pusat Penyelidikan Antarabangsa Ekonomi dan Kewangan Islam (IRCEIF) di UIS, bertujuan untuk memperkasakan mangsa yang terselamat dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan.

Ia sebagai sokongan untuk membina dan mendapatkan kembali kawalan terhadap kehidupan mereka melalui pemberdayaan ekonomi dan celik kewangan.

Dalam majlis yang sama forum bertajuk, "Peranan Kewangan Sosial Islam dalam Memberdayakan Mangsa Keganasan Rumah Tangga", bersama empat orang panel pakar; Profesor Aishath Muneeza, Islamic Perunding Pembiayaan, UNFPA Malaysia; Puan Nurul Balqis, Perbankan Syariah Operasi, Naib Presiden, Bank Rakyat; En Mohd Faiz bin Rahim, Ketua Jabatan Syariah, Affin Islamic Bank; Dr Fatim Nur Majidina Nordin, Naib Presiden, Gerakan Belia Islam Malaysia (ABIM).


Forum ini bertepatan, menjelang Hari Wanita Antarabangsa pada 8 Mac yang bertemakan, Invest in Women: Accelerate Progress. Forum ini memfokuskan kepada perbincangan bagaimana infrastruktur pembiayaan sosial Islam dapat menangani cabaran dengan berkesan mangsa keganasan rumah tangga yang terselamat menghadapi, memberdayakan mereka dan memastikan hak dan pilihan mangsa yang terselamat dan anak-anak mereka.

Dr Asa Torkelsson, Wakil Negara UNFPA Malaysia, dalam ucapan awalnya menyatakan bahawa menangani keganasan berasaskan jantina memerlukan pendekatan pelbagai serampang, dan ini adalah satu bidang utama di mana UNFPA bekerja tanpa henti - dan ia adalah tepat pada masanya, memandangkan peningkatan bilangan kes keganasan rumah tangga di Selangor sebanyak 4,690 berlaun hanya dalam tempoh 2020 hingga Ogos 2023; menurut Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Di seluruh dunia, UNFPA memainkan peranan terhadap lebih 150 negara dan wilayah untuk membantu dan mengurangkan keganasan yang berasaskan jantina.

Dato' Profesor Madya Dr Mohd Farid Ravi Abdullah, Naib Canselor UIS, turut menyuarakan harapan agar program kesedaran mengenai pemberdayaan mangsa keganasan rumah tangga yang terselamat ini akan membawa impak positif kepada kehidupan mereka, dan mereka mampu berdikari dari segi kewangan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah YBhg Datuk Hasanuddin Bin Mohd Yunus, Pengerusi Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), yang menyampaikan ucapan perasmian pada bagi pihak YB Senator Dr Zulkifli Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Agama.



Noda remaja selepas main video game

Oleh NOR AINNA HAMZAH 23 Februari 2024, 10:00 am



Gambar hiasan.

TAMPIN – Polis menahan seorang lelaki yang dipercayai merogol remaja perempuan bawah umur selepas mereka bermain permainan video di dalam bilik sebuah rumah, di sini baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Tampin, Superintendan Amiruddin Sariman berkata, mangsa berusia 15 tahun membuat laporan polis pada 18 Februari lalu susulan ibu mangsa telah mengetahui kejadian tersebut.

“Si ibu telah memeriksa telefon bimbit mangsa dan melihat terdapat perbualan mengenai kejadian rogol tersebut melalui aplikasi WhatsApp antara mangsa dan suspek berusia 16 tahun.


“Bertindak atas laporan yang dibuat oleh mangsa, kira-kira pukul 3 pagi hari yang sama, sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tampin telah menangkap remaja lelaki terbabit,” katanya kepada pemberita, di sini, hari ini.

Menurutnya, berdasarkan siasatan awal, kejadian berlaku kira-kira pukul 3.20 petang pada 15 Februari lalu semasa mangsa berada di rumah nenek mangsa.

Menurutnya, suspek yang juga kawan mangsa telah datang untuk bermain ‘game’ bersama mangsa dan semasa mangsa berada di dalam bilik, suspek telah mengajak mangsa melakukan hubungan seks.

“Mangsa telah melakukan perkara itu bersama suspek. Setelah selesai melakukan hubungan seks, suspek terus keluar dari rumah nenek mangsa.

“Suspek telah direman selama empat hari bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan,” ujarnya. – KOSMO! ONLINE



Wanita, kanak-kanak disyaki mangsa eksploitasi seks diselamatkan

Norzamira Che Noh
am@hmetro.com.my



GAMBAR Hiasan.

Kuala Langat: Polis menyelamatkan wanita tempatan dan kanak-kanak perempuan yang disyaki menjadi mangsa eksploitasi seks, dalam serbuan di kedai yang dijadikan rumah pelacuran di Banting, semalam.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat Superintendan Ahmad Ridhwan Mohd Nor @ Saleh berkata, turut diselamatkan adalah bayi perempuan dan seorang kanak-kanak lelaki.

Katanya, premis itu diserbu pada 3.30 petang selepas pemerhatian oleh pasukan daripada Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman serta JSJ Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Langat.

"Kegiatan dipercayai aktif sejak dua bulan lalu dan menyasarkan pelanggan warga asing. Premis sudah diubahsuai menjadi empat bilik dengan menggunakan langsir.

"Polis menahan wanita tempatan berusia 56 tahun yang berperanan sebagai 'ibu ayam'. Turut diberkas dua wanita warga asing berusia 57 dan 45 tahun dipercayai pelacur.

"Hasil serbuan juga berjaya menyelamatkan wanita tempatan berusia 25 tahun; kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun yang disyaki dipaksa melacur; kanak-kanak lelaki berusia empat tahun dan bayi perempuan berusia 11 bulan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurutnya, bayi berkenaan adalah anak kepada wanita yang diselamatkan, manakala polis masih menyasiat status dua lagi kanak-kanak.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 14 Akta Anti Pamerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran (ATIPSOM).

Disiarkan pada: Februari 23, 2024 @ 2:31pm